

Menganalisis Tahap Ekosistem Sosial Klien di *Cure and Care Rehabilitation Center* (CCRC)

¹Fauziah Ibrahim, ¹Ezarina Zakaria, ²Roziah Omar, ³Zakiah Jamaluddin, ³Abdul Razak Abd Manaf dan ⁴Hasmah Zainuddin

¹Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Majlis Profesor Negara

³Pusat Pengajian Pembangunan Sosial,
Universiti Utara Malaysia

⁴Pusat Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

email : ifauziah@ukm.edu.my ezaz@ukm.edu.my

Abstrak

Pengenalpastian ekosistem sosial melibatkan penagih dadah yang sedang menerima rawatan dan pemulihan diperlukan oleh pihak yang berkepentingan untuk merangka strategi pencegahan dan pemulihan yang lebih berkesan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis tahap ekosistem sosial (keluarga, rakan, sekolah dan komuniti) dalam kalangan penagih yang sedang menerima rawatan dan pemulihan di *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC). Kajian dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang (*cross-sectional survey*) secara kuantitatif. Sampel kajian melibatkan seramai 423 orang penagih yang sedang menjalani program pemulihan di CCRC. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif. Hasil kajian mendapati majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan tahap ekosistem sosial keluarga (72.6%) dan sekolah (51.1%) yang tinggi. Berdasarkan tahap ekosistem sosial rakan dan komuniti pula, kajian mendapati majoriti responden yang terlibat dalam penyelidikan ini mempunyai tahap ekosistem sosial rakan (58.6%) dan komuniti (63.8%) yang sederhana. Hasil kajian menunjukkan klien CCRC mempunyai keluarga dan sekolah yang kuat melindungi mereka daripada dadah sebaliknya mempunyai rakan dan komuniti yang memberi risiko terjebak dadah. Penemuan ini memberi implikasi ke arah penambahbaikan program pencegahan dan pendidikan bahaya dadah yang dilaksanakan oleh pihak yang berkepentingan. Ia bertujuan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi memastikan ekosistem sosial boleh berperanan melindungi masyarakat daripada terjebak dengan dadah.

Kata kunci: ekosistem sosial, keluarga, rakan, sekolah, komuniti

Pengenalan

Masalah penagihan dadah merupakan satu cabaran besar kepada negara dalam usaha mensasar pencapaian matlamat bebas dadah dalam kalangan masyarakatnya (Fauziah, 2009; Abdul Ghafar, 2005; Mahmood, Mohd Shuib, & Ismail 1999). Fenomena penagihan dadah bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan dan pembangunan modal insan sesebuah negara, tetapi ia turut dilihat menjejaskan keselamatan keharmonian masyarakat sejagat (Mohamad Sabri & Che Bakar, 2008; Abdul Ghafar, 2005). Laporan yang dikeluarkan oleh Agensi AntiDadah Kebangsaan sepanjang tahun 2014 menunjukkan seramai 7,864 orang penagih dadah telah di kesan terlibat dengan dadah berbanding tempoh yang sama sepanjang tahun 2012 iaitu seramai 9,015 orang. Kesemua penagih yang telah di kesan terdiri daripada 2,354 orang penagih dadah baru manakala seramai 3,096 orang pula terdiri daripada penagih dadah berulang. Perangkaan statistik juga merekodkan bahawa sepanjang tahun 2013, daripada jumlah keseluruhan 7,864 orang penagih yang di kesan, seramai 5,556 orang daripadanya terdiri daripada anak muda yang berumur dalam lingkungan 13-39 tahun (AADK, 2014).

Justeru, langkah-langkah pencegahan dadah perlu digerakkan secara bersepadu bagi membantu negara memerangi masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat. Antaranya dengan mengenalpasti ekosistem sosial masyarakat berkenaan termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan aspek keluarga, persekolahan, rakan sekeliling dan komuniti. Menurut teori ekologi yang diasaskan oleh Urie Bronfenbrenner (1917), pengaruh persekitaran dalam sesebuah komuniti berupaya melindungi dan mempengaruhi perkembangan diri seseorang individu dalam menjalani kehidupan seharian. Ini bermakna, ekosistem sosial masyarakat memberi pengaruh terhadap persekitaran kehidupan seseorang individu berkenaan. Kajian yang dijalankan oleh Pergamit, et al., (2001) mendapati peruntukan masa yang terhad daripada ibu bapa terhadap anak-anak remaja memberi implikasi besar terhadap berlakunya peningkatan kebarangkalian anak-anak terjebak dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Manakala kajian yang dijalankan oleh Mackay (2003) mendapati bahawa hubungan dalam sesebuah keluarga yang harmoni berupaya menghindari seseorang individu berkenaan daripada terjebak dengan aktiviti sosial yang tidak sihat. Harunnaja (2007) dalam kajiannya pula, mengenal pasti isu-isu keluarga yang menyumbang kepada permasalahan remaja. Antaranya beliau mendapati bahawa kebanyakan keluarga kurang menerapkan elemen kasih sayang dalam kalangan anak-anak sehingga menyebabkan anak-anak berpaling kepada dunia luar dan akhirnya terjebak dengan perlakuan dan tingkah laku berisiko. Manakala kajian yang dijalankan oleh Rohayati (2004) pula mendapati bahawa tanpa kasih sayang yang sempurna, seseorang individu berkenaan akan mencari jalan keluar untuk melepaskan emosi mereka melalui kegiatan-kegiatan yang tidak berfaedah seperti melepak, melakukan aktiviti jenayah, berpeleseran, penagihan dan melakukan aktiviti pengedaran dadah. Oleh itu, ekosistem keluarga perlu diberikan perhatian supaya masyarakat dapat melindungi diri mereka untuk berhadapan dengan cabaran hidup yang penuh dengan dugaan.

Selain institusi keluarga yang dilihat memainkan peranan penting dalam melindungi aktiviti harian anak-anak, ekosistem sosial persekolahan juga merupakan perkara yang wajar diberikan penekanan utama terhadap untuk perkembangan positif diri anak-anak.

Semangat kekitaan terhadap sekolah dalam kalangan anak-anak merupakan salah satu faktor yang dapat membantu ke arah kecenderungan mereka untuk meneruskan persekolahan (Bond et al, 2007; Hawkins et al, 2005) dan seterusnya melindungi diri mereka daripada terjebak dengan masalah sosial (Bisset et al, 2007; Kliwer dan Murrelle, 2007; Patton et al., 2006). Kajian yang dijalankan oleh O'Mahony (2009) mendapati faktor akademik dan pencapaian di sekolah dikenalpasti sebagai faktor penyumbang kepada tingkah laku sosial dan delikuen. Persekitaran sekolah di lihat menyumbang kepada penglibatan pelajar untuk terus memberikan komitmen terhadap kehadiran untuk ke sekolah (Spooner, Hall & Lynskey, 2001). Selain persekitaran sekolah, terdapat beberapa kajian yang mengaitkan hubungan rapat antara guru dan pelajar dengan persekitaran persekolahan yang kondusif seperti wujudnya interaksi yang positif antara pelajar dan guru serta penggunaan kaedah pengajaran yang menarik minat pelajar untuk terus ke sekolah (Spooner, Hall and Lynskey, 2001; Scales & Leffert, 1999; Lonczack, et al., 2002).

Kajian yang dijalankan oleh Fauziah & Ezarina (2014) pula, memberi penekanan terhadap peranan rakan sebaya yang boleh dijadikan sebagai agen pelaksana dalam memerangi masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja di Malaysia. Manakala Turiman, et al., (2009) dalam kajiannya pula mendapati kebanyakan responden menjadikan rakan sebaya sebagai pakar rujuk berkaitan dengan hal-hal kehidupan. Rakan yang baik juga di lihat berupaya memberi pengaruh yang baik kepada rakan yang lain untuk melakukan aktiviti yang bermanfaat (Oman et al., 2004). Kajian yang awal yang dijalankan oleh Ibrahim dan Fauziah (2010) terhadap 60 orang penagih dadah dalam kalangan belia Melayu mendapati sejumlah 66.7% responden memberikan pandangan sangat setuju dan setuju bahawa belia terlibat dengan aktiviti penagihan dadah adalah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Kajian ini dilihat selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zul Hanafi (2004) yang mengaitkan pengaruh rakan sebaya dengan penglibatan dan aktiviti yang tidak sihat seperti terjebak dengan aktiviti penyalahgunaan dadah.

Selain rakan, ekosistem sosial komuniti sekeliling juga memainkan peranan yang penting ke arah membantu mewujudkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat (Wertz & Sayette, 2001). Kajian yang dijalankan oleh Jason, Davis dan Ferrari (2007) menjelaskan bahawa hal-hal yang berkaitan dengan sokongan sosial persekitaran membantu mengurangkan kadar penglibatan individu dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Manakala kajian yang dijalankan oleh Patricia & Robert (2005) dan Byrne et al., (2009) pula mendapati bahawa keadaan persekitaran luaran yang tidak selamat seperti melihat semula tempat-tempat penagihan lama boleh merangsang seseorang individu berkenaan dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Keadaan persekitaran tempat tinggal yang tidak selamat seperti terdedah dengan bahaya dadah berupaya mengubah keyakinan diri seseorang individu untuk bebas daripada dadah akibat pengaruh keadaan sekeliling dan persekitaran rumah yang tidak selamat (Marlatt & Gordon, 1985). Hawkins (1985) dalam kajiannya mendapati 69% daripada mereka yang kembali menggunakan heroin selepas rawatan dadah terdiri daripada mereka yang menghadapi tekanan sosial daripada masyarakat dan keadaan persekitarannya. Oleh itu, ekosistem komuniti perlu diberikan perhatian dalam usaha membantu melindungi seseorang individu daripada terjebak dengan masalah penyalahgunaan dadah. Memandangkan ekosistem sosial masyarakat

merupakan perkara yang boleh membantu ke arah keharmonian dan kesejahteraan sesebuah masyarakat, maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis tahap ekosistem sosial penghuni dadah yang sedang menerima rawatan dan pemulihan di Cure and Care Rehabilitation Center (CCRC). Hasil kajian di harap dapat memberi input baru dalam merangka program-program pencegahan dadah yang lebih berkesan dalam kalangan masyarakat.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis tahap ekosistem sosial penghuni dadah yang menerima rawatan dan pemulihan di Cure and Care Rehabilitation Center (CCRC).

Metodologi


Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang (*cross-sectional survey*) secara kuantitatif dan dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif. Analisis deskriptif menurut Chua (2006) merupakan ujian statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri variabel kajian. Berdasarkan instrumen, kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan hasil kajian. Ekosistem sosial responden merujuk kepada ekosistem sosial keluarga, rakan, sekolah dan komuniti yang membantu melindungi klien CCRC untuk menangani cabaran hidup. Sebanyak 20 item soalan telah dibangunkan oleh penyelidik berasaskan literatur. Jenis item yang digunakan untuk mengukur tahap ekosistem sosial responden adalah berbentuk skala 4 Likert di mana pilihan-pilihannya di susun mengikut kesesuaian iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju. Nilai kebolehpercayaan untuk skala ini adalah tinggi iaitu .72.

Tahap ekosistem sosial klien CCRC telah diukur berpandukan kepada jadual interpretasi skor min berikut: (i) <.20 (tahap rendah), (ii) 2.01-3.00 (tahap sederhana) dan (iii) 3.014.00 (tahap tinggi). Sebelum pengumpulan data dimulakan, penyelidik pada awalnya telah memohon mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk menjalankan penyelidikan. Setelah kelulusan diberikan oleh pihak AADK, pengkaji kemudiannya telah menghubungi dan membuat temujanji dengan Pegawai Pencegahan, AADK di negeri Kedah dan Kelantan yang terlibat bagi menetapkan tarikh untuk kerja-kerja pengutipan data. Sesi taklimat telah diadakan antara pasukan penyelidik dengan Pegawai Pencegahan AADK untuk tujuan pengedaran soal selidik. Pengedaran borang soal selidik kemudiannya telah dijalankan secara rawak dalam kalangan responden. Sampel kajian ini adalah seramai 423 orang klien CCRC yang sedang mendapatkan rawatan dan pemulihan di CCRC.

Data kajian seterusnya dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science for Windows'12 (SPSS for Windows 12)* versi 16. Statistik deskriptif digunakan untuk menentukan frekuensi, peratusan dan purata bagi memenuhi objektif kajian iaitu untuk menganalisis tahap ekosistem sosial penghuni dadah yang menerima rawatan dan pemulihan di CCRC.

Hasil dan Perbincangan Kajian

Secara lebih spesifik, analisis terhadap tahap ekosistem sosial responden sebenarnya membantu perancang intervensi pencegahan dadah untuk membuat pemetaan persekitaran berisiko dan persekitaran pelindung klien. Tahap keseluruhan ekosistem sosial klien yang menerima perkhidmatan rawatan serta pemulihan AADK yang menyertai kajian ini ditunjukkan dalam rajah Rajah 1.0.



Rajah 1.0. Tahap ekosistem sosial (keluarga, sekolah, rakan dan komuniti) klien CCRC

Ekosistem Sosial Keluarga: Ekosistem sosial keluarga merujuk kepada keadaan dalam keluarga responden yang boleh membantu melindungi diri mereka untuk menangani cabaran hidup. Dapatan kajian mendapati majoriti (72.6%) mereka yang terlibat dalam penyelidikan ini menunjukkan tahap ekosistem keluarga yang tinggi (Jadual 1). Analisis kajian ini memberi gambaran bahawa majoriti penghuni yang terlibat dalam penyelidikan ini mempunyai ekosistem keluarga yang boleh membantu melindungi diri mereka untuk menangani cabaran hidup.

Jadual 1: Peratus Tahap Ekosistem Keluarga Klien CCRC

Ekosistem Keluarga	N=423	Peratus (%)
Rendah	7	1.7
Sederhana	159	24.8
Tinggi	34	72.6
Jumlah	423	100

Secara terperinci, hasil kajian mendapati sejumlah 74% responden yang terlibat dalam penyelidikan ini bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa kebanyakan aktiviti riadah dilakukan bersama dengan ahli keluarga mereka (item 1). Walaupun majoriti berpandangan sedemikian, namun pihak yang berkepentingan perlu juga memberi penekanan tentang perkara ini kerana hasil kajian menunjukkan sejumlah 26% dalam kalangan mereka yang terlibat dalam penyelidikan ini memberikan maklumbalas sebaliknya. Hasil kajian ini juga seterusnya mendapati sejumlah 84.7% responden mengakui bahawa ibubapa mereka mengambil berat tentang aktiviti yang mereka lakukan (item 2). Sikap ambil berat dan hubungan kekeluargaan yang baik membantu mengurangkan rasa rendah diri dalam kalangan penagih untuk pulih dan menjalani kehidupan bebas daripada pengaruh dadah (Butler & Bauld, 2005; Blyth, Bamberg & Toumbourou, 2000). Manakala kajian yang dijalankan oleh Lila & Gracia (2005), pula mendapati pengawasan dan sikap mengambil peduli tentang aktiviti anak-anak mampu melindungi diri anak-anak daripada terjebak dengan gejala berisiko yang boleh meruntuhkan akhlak dan masa hadapan mereka.

Hasil kajian ini juga seterusnya mendapati sejumlah 79.4% dalam kalangan responden mengakui bahawa mereka menyayangi ke semua ahli keluarga mereka manakala selebihnya iaitu 20.6% lagi menunjukkan maklum balas sebaliknya (item 3). Ikatan dan hubungan kekeluargaan yang baik dalam kalangan responden boleh membantu melindungi diri mereka daripada terjebak semula dengan aktiviti penagihan dadah (Bahr, maughan & Marcos, 1998). Analisis kajian juga menunjukkan majoriti (78.7%) responden yang terlibat dalam penyelidikan ini tinggal dengan kedua-dua ibubapa mereka (item 4). Peratusan tinggi dalam kalangan responden yang masih tinggal dengan kedua-dua ibu bapa menunjukkan suatu perkembangan yang positif ke arah kesejahteraan hidup responden dimasa hadapan. Ini kerana hasil kajian yang dijalankan oleh beberapa sarjana barat mendapati bahawa individu yang tidak tinggal dengan kedua-dua ibu bapa berkecenderungan tinggi untuk terjebak dengan gejala sosial yang tidak sihat seperti terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah (Hoffman et al., 2002; Stephen et al., 2004; Oman et al., 2004). Hasil kajian ini seterusnya menunjukkan perkembangan yang positif dalam membantu responden untuk pulih di mana majoriti (95.9%) daripada responden yang terlibat dalam penyelidikan ini mengakui bahawa keluarga sering memberi nasihat supaya mereka menjauhi diri dengan dadah (item 5). Sikap keluarga yang prihatin ini menunjukkan wujudnya komunikasi yang baik dalam keluarga. Menurut kajian yang dijalankan oleh Williams, McDermitt, Bertrand & Davis (2003), komunikasi yang baik dalam keluarga membantu melindungi diri seseorang individu daripada terjebak dengan masalah sosial dan seterusnya membantu proses pemulihan dadah yang berkesan.

Jadual 2: Peratusan Ekosistem Keluarga Klien CCRC

Bil	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
	Ekosistem Keluarga	Klien CCRC (N=423)			
		Peratus (%)			
1	Banyak aktiviti riadah saya lakukan bersama keluarga	5.2	20.8	45.2	28.8
2	Ibubapa mengambil berat tentang apa sahaja aktiviti yang saya lakukan	4.0	11.3	40.0	44.7
3	Saya sangat menyayangi kesemua ahli keluarga saya	0.5	2.1	20.3	77.1
4	Saya tinggal dengan kedua-dua ibubapa	6.6	14.7	22.7	56.0
5	Keluarga sering menasihati supaya saya menjauhi dadah	1.9	2.1	18.4	77.5

Ekosistem Sosial Sekolah: Ekosistem sosial sekolah merujuk kepada keadaan dalam sekolah responden terdahulu yang di lihat boleh membantu melindungi mereka untuk menangani cabaran hidup. Jadual 3 menunjukkan sejumlah 51.1% dalam kalangan mereka yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap ekosistem sekolah yang tinggi. Walaupun majoriti responden memberikan maklumbalas yang tinggi, namun peratusan tersebut perlu diberikan penekanan secara teliti kerana kajian menunjukkan sejumlah 48.9% lagi dalam kalangan responden menunjukkan tahap ekosistem sekolah ke tahap sederhana dan rendah.

Jadual 3: Peratus Tahap Ekosistem Sekolah Klien CCRC

Ekosistem Sekolah	N=423	Peratus (%)
Rendah	7	5.0
Sederhana	159	44.0
Tinggi	34	51.1
Jumlah	423	100

Secara terperinci, Jadual 4 menunjukkan sejumlah 52.2% responden yang terlibat dalam penyelidikan ini mengakui bahawa mereka tidak mempunyai hubungan yang baik dengan guru di sekolah (item 1). Analisis kajian ini perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak yang berkepentingan bagi memastikan ekosistem sekolah sentiasa berada dalam keadaan baik untuk merangsang proses pembelajaran dan minat pelajar untuk ke sekolah. Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Fauziah, et al., (2012)

yang mendapati majoriti penagih dadah yang di tangkap oleh pihak berkuasa terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap pendidikan sehingga di sekolah menengah sahaja. Menurut kajian yang dijalankan oleh O'Mahony (2009), faktor akademik dan pencapaian di sekolah dikenalpasti sebagai faktor penyumbang kepada tingkah laku sosial dan delikuen. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa sejumlah 52.5% dalam kalangan responden mengakui bahawa pihak sekolah tidak pernah mengadakan program pencegahan bahaya dadah sewaktu di sekolah (item 2). Kempen pencegahan dadah di sekolah adalah penting bagi memastikan mereka yang berada di sekolah diberikan kefahaman dan kesedaran yang tinggi tentang bahaya dadah. Ia juga bertujuan untuk menghindari diri pelajar daripada terjebak dengan masalah penyalahgunaan dadah di sekolah. Oleh itu, kempen pencegahan dadah di sekolah perlu diperluaskan dan dirancang secara konsisten bagi membantu mewujudkan ekosistem sosial sekolah yang kondusif dan bebas daripada pengaruh dadah.

Jadual 4: Peratusan Ekosistem Sekolah Klien CCRC

Bil	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
	Ekosistem Sekolah	Klien CC RC (N= 423)			
		Peratus (%)			
1	Saya mempunyai hubungan yang baik dengan guru di sekolah	5.2	47.3	17	30.5
2	Sekolah pernah mengadakan program pencegahan bahaya dadah	8.0	44	17.5	30.5
3	Guru menggunakan teknik pengajaran yang menarik sewaktu di sekolah	3.8	51.8	14.9	29.6
4	Guru akan memberi pujian sekiranya saya cemerlang dalam pelajaran	1.7	46.1	8.0	44.2
5	Saya suka untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum di sekolah	4.7	42.8	10.6	41.8

Berdasarkan aspek pengajaran di sekolah, hasil kajian menunjukkan sejumlah 55.5% responden yang terlibat dalam penyelidikan ini mengakui bahawa guru menggunakan teknik pengajaran yang tidak menarik di sekolah (item 3). Manakala selebihnya iaitu sejumlah 44.5% lagi memberikan maklumbalas sebaliknya. Menurut kajian yang dijalankan oleh beberapa orang sarjana barat mendapati bahawa kaedah pengajaran yang menarik oleh guru di sekolah boleh mempengaruhi ekosistem sekolah dan merangsang minat pelajar untuk meneruskan pengajian (Spooner, Hall & Lynskey, 2001; Lonczack, et al., 2002). Selain daripada aspek pengajaran di sekolah, hasil kajian ini juga mendapati majoriti responden yang terlibat dalam penyelidikan ini mengakui bahawa kebanyakan guru memberikan pujian sekiranya mereka cemerlang dalam pelajaran (52.2%-item 4). Manakala hampir 48% daripada mereka memberikan maklumbalas sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Berkaitan dengan aktiviti kokurikulum

sewaktu di sekolah pula, hasil kajian mendapati sejumlah 52.4% daripada responden yang terlibat dalam penyelidikan ini mengakui bahawa mereka gemar untuk melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum sewaktu di sekolah (item 5). Manakala sejumlah 47.6% dalam kalangan mereka mengakui tidak gemar untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum sewaktu di sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Mc Neely et al., (2002) mendapati pelajar yang aktif melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum di sekolah boleh meningkatkan tahap kecergasan diri mereka dan seterusnya mengurangkan potensi terlibat dengan gejala negatif.

Ekosistem Sosial Rakan: Ekosistem rakan merujuk kepada keadaan rakan-rakan yang boleh membantu melindungi responden untuk menangani cabaran hidup. Berdasarkan Jadual 9, hasil kajian mendapati sejumlah 58.6% dalam kalangan responden menunjukkan tahap ekosistem sosial rakan pada tahap sederhana. Analisis kajian ini memberi gambaran bahawa ekosistem rakan dalam kalangan responden tidak begitu meyakinkan untuk membantu melindungi diri mereka untuk menangani cabaran hidup.

Jadual 5: Peratus Tahap Ekosistem Rakan Klien CCRC

Ekosistem Rakan	N=423	Peratus (%)
Rendah	7	11.1
Sederhana	159	58.6
Tinggi	34	30.3
Jumlah	423	100

Secara terperinci, analisis kajian terhadap ekosistem rakan dalam kalangan responden mendapati majoriti daripada mereka (59.8%) mengakui bahawa mereka menjadikan rakan baik sebagai idola (Jadual 6). Manakala sejumlah 40.2% lagi tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut (item 1). Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Turiman, et al., (2009) yang mendapati bahawa rakan sering menjadikan rakan sebaya mereka sebagai pakar rujuk dan contoh terbaik dalam kalangan mereka. Hasil kajian ini perlu diberikan perhatian oleh pihak yang berkepentingan dalam usaha membantu memulihkan diri mereka yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah. Ini kerana hasil kajian seterusnya menunjukkan sejumlah 37.3% dalam responden mengakui bahawa rakan-rakan mereka merupakan individu yang pernah terlibat dengan dadah (item 2). Keputusan kajian ini perlu di ambil perhatian oleh pihak yang berkepentingan kerana kajian menunjukkan hampir 40% dalam kalangan responden yang terlibat dengan penyelidikan ini menunjukkan bahawa rakan mereka pernah terlibat dengan dadah (item 2). Penglibatan rakan dengan dadah berupaya mempengaruhi seseorang individu lain untuk terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah yang sama (Ibrahim & Fauziah, 2010; Zul Hanafi, 2004; Abdullah & Iran, 1997).

Jadual 6: Peratusan Ekosistem Rakan untuk Klien CCRC

Bil	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
	Ekosistem Rakan	Klien CC RC (N=423)			
		Peratus (%)			
1	Saya menjadikan rakan yang baik sebagai idola	12.5	27.7	34.5	25.3
2	Rakan-rakan saya tidak pernah terlibat dengan dadah	21.5	41.1	20.3	17.0
3	Rakan-rakan saya terdiri daripada mereka yang cemerlang dalam pelajaran	9.2	24.1	38.5	28.1
4	Rakan sering menasihati saya agar tidak terjebak dengan dadah	7.8	14.4	44.0	33.8
5	Rakan-rakan mengenali keluarga saya dengan baik	5.0	10.4	45.4	39.2

Hasil kajian ini juga seterusnya memperlihatkan bahawa sejumlah 33.4% dalam kalangan responden mengakui bahawa mereka tidak mempunyai rakan-rakan yang cemerlang dalam pelajaran (item 3) dan sejumlah 66.6% dalam kalangan responden yang mengakui bahawa mereka mempunyai rakan-rakan yang cemerlang dalam pelajaran. Sejumlah 77.8% dalam kalangan mereka pula mengakui bahawa rakan sering menasihati mereka agar tidak terjebak dengan dadah, manakala 22.2% lagi memberikan maklum balas sebaliknya (item 4). Keputusan kajian ini memberikan petanda positif kepada diri responden dalam usaha memulihkan diri mereka daripada terus terjebak dengan aktiviti penyalahgunaan dadah di masa hadapan. Hasil kajian ini juga memperlihatkan bahawa sejumlah 84.6% dalam kalangan responden mengakui bahawa rakan-rakan mereka mengenali keluarga mereka dengan baik (item 5). Manakala selebihnya iaitu 15.4% mengakui bahawa rakan-rakan mereka tidak mengenali keluarga mereka dengan baik.

Ekosistem Sosial Komuniti: Ekosistem komuniti merujuk kepada keadaan dalam komuniti responden yang boleh membantu melindungi mereka menangani cabaran hidup. Berdasarkan Jadual 7, hasil kajian mendapati sejumlah 63.8% dalam kalangan responden menunjukkan tahap ekosistem komuniti pada tahap sederhana sahaja. Analisis kajian ini memberi gambaran bahawa majoriti responden yang terlibat dalam penyelidikan ini mempunyai ekosistem komuniti yang tidak begitu meyakinkan untuk membantu melindungi diri mereka menangani cabaran hidup. Perincian teliti perlu dilihat berkaitan dengan perkara ini bagi memastikan ekosistem komuniti berada dalam keadaan baik bagi memastikan mereka dapat menjalani kehidupan sihat, bebas tanpa pengaruh dadah.

Jadual 7: Peratus Tahap Ekosistem Komuniti Klien CCRC

Ekosistem Komuniti	N=423	Peratus (%)
--------------------	-------	-------------

Rendah	7	10.2
Sederhana	159	63.8
Tinggi	34	26.0
Jumlah	423	100

Secara terperinci kajian menunjukkan bahawa sejumlah 59.3% dalam kalangan responden mengakui bahawa mereka merasa selamat dan selesa tinggal di kawasan perumahan mereka sebelum ini (item 1). Walaupun majoriti responden merasa selamat dan selesa tinggal di kawasan perumahan mereka, namun hasil kajian menunjukkan sejumlah 40.7% dalam kalangan mereka merasa kurang selamat tinggal di kawasan perumahan yang didiami oleh mereka sebelum ini. Peratusan yang agak besar ini perlu diberikan perhatian oleh pihak yang berkepentingan supaya proses pemulihan klien tidak terjejas apabila mereka kembali kepangkuan masyarakat dengan tinggal di kawasan perumahan asal. Kajian yang dijalankan oleh Patricia & Robert (2005) mendapati bahawa keadaan persekitaran luaran yang tidak selamat seperti melihat semula tempat penagihan lama berupaya merangsang seseorang individu yang berazam untuk pulih menjalankan kegiatan lama dengan mengambil dadah semula.

Jadual 8: Peratusan Ekosistem Komuniti Klien CCRC

Bil	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
		Klien CCRC (N=423)			
Ekosistem Komuniti		Peratus (%)			
1	Saya merasa selamat dan selesa tinggal di kawasan perumahan saya	9.2	31.4	35.0	24.3
2	Terdapat aktiviti/program kesedaran tentang bahaya dadah dilakukan di kawasan perumahan saya	14.4	29.6	36.9	19.1
3	Saya menganggap jiran sebagai keluarga kedua saya	11.3	20.1	48.7	19.9
4	Jiran sering mengambil berat tentang diri dan aktiviti yang saya lakukan.	10.9	21.7	44.2	23.2
5	Jiran akan melaporkan kepada polis sekiranya mengetahui ada individu terlibat dengan dadah di kawasan perumahan	10.2	18.0	41.1	30.7

Hasil kajian seterusnya mendapati sejumlah 56% dalam kalangan klien CCRC yang terlibat dalam penyelidikan ini mengakui bahawa terdapat aktiviti/program kesedaran tentang bahaya dadah dilakukan di kawasan perumahan mereka (item 2). Manakala sejumlah 44% dalam kalangan klien CCRC memberikan maklum balas sebaliknya. Oleh

itu, pihak yang berkepentingan disaran untuk memberi perhatian tentang perkara ini dan merancang lebih banyak program pendidikan dan pencegahan bahaya dadah bersama masyarakat di kawasan perumahan rakyat dan komuniti berisiko. Berdasarkan analisis tentang maklumat yang berkaitan dengan jiran pula, hasil kajian menunjukkan sejumlah 68.6% dalam kalangan klien mengakui bahawa mereka menganggap jiran sebagai keluarga kedua mereka manakala selebihnya iaitu 31.4% berpandangan sebaliknya (item 3). Hasil kajian ini memberi gambaran positif dimana penyertaan jiran perlu dilibatkan untuk membantu pihak yang berkepentingan untuk bersama-sama memerangi masalah dadah. Kajian yang dijalankan oleh Sampson (2012) mendapati ekosistem komuniti yang baik dalam kalangan masyarakat membantu melindungi komuniti berkenaan daripada terjebak dengan aktiviti berisiko. Manakala kajian yang dijalankan oleh Jason, Davis dan Ferrari (2007) pula menjelaskan bahawa sokongan sosial daripada persekitaran membantu mengurangkan masalah penyalahgunaan semula dadah dalam kalangan bekas penagih.

Hasil kajian ini seterusnya mendapati sejumlah 67.4% dalam kalangan responden mengakui bahawa jiran sering mengambil berat tentang diri dan aktiviti yang mereka lakukan dan selebihnya iaitu sejumlah 32.6% berpandangan sebaliknya (item 4). Kajian yang dijalankan oleh Sabatelli, et al., (2005), mendapati persekitaran komuniti yang menyokong membantu melindungi seseorang individu daripada terjebak dengan aktiviti berisiko. Hasil kajian ini juga memperlihatkan keprihatinan jiran dimana sejumlah 71.8% responden yang terlibat dalam penyelidikan ini mengakui bahawa jiran akan melaporkan kepada pihak berkuasa polis sekiranya mengetahui terdapat individu yang terlibat dengan dadah di kawasan perumahan mereka (item 5). Secara keseluruhan walaupun hasil kajian menunjukkan jiran dilihat sebagai komuniti yang prihatin, namun perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan keselesaan tempat tinggal asal responden perlu diberikan perhatian sewajarnya supaya proses pemulihan penagih dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi membantu mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat.

Implikasi dan Cadangan

Secara keseluruhan, hasil kajian ini di lihat dapat menyediakan sumber maklumat ke arah penambahbaikan terhadap penyediaan program-program pencegahan dadah yang dilaksanakan oleh pihak yang berkepentingan. Pengenalpastian dan pemahaman ekosistem sosial melibatkan keluarga, persekolahan, rakan dan komuniti dalam kalangan individu yang terlibat dengan dadah mampu memberi input baru ke arah mencari strategi berkesan untuk merangka program-program pencegahan dadah kepada masyarakat. Hasil kajian mencadangkan supaya ekosistem sosial keluarga dalam kalangan masyarakat perlu diperkukuhkan. Bagi individu yang tidak tinggal dengan ibu bapa penjaga pihak-pihak yang berkepentingan perlu memberi perhatian sewajarnya terhadap individu berkenaan bagi mengelak mereka terus terjerumus dengan gejala negatif yang boleh merosakkan sahsiah dan akhlak. Selain itu, adalah disarankan agar program-program pencegahan dadah di sekolah dirancang dengan lebih sistematik bagi memberi kesedaran dan pendidikan berterusan tentang bahaya penyalahgunaan dadah di peringkat awal persekolahan. Hubungan antara guru dan pelajar yang kurang menyerlah daripada aspek pencapaian akademik perlu diberikan perhatian sewajarnya. Begitu juga kaedah

pengajaran yang digunakan oleh guru sewaktu di sekolah. Kedua-dua aspek tersebut perlu diberikan perhatian bagi merangsang minat pelajar untuk terus belajar dan menghadirkan diri ke sekolah dan seterusnya melindungi diri mereka daripada terlibat dengan aktiviti berisiko. Rakan sebaya dilihat boleh dijadikan sebagai role model terbaik dalam pengajaran kempen-kempen pencegahan dadah bagi merangsang ekosistem sosial rakan yang baik. Program pencegahan bahaya dadah juga perlu diperluas dengan mengerakkan jentera kempen di kawasan perumahan rakyat dan komuniti berisiko. Program sebegini bukan sahaja mampu memberi pendidikan terhadap pencegahan dadah kepada masyarakat tetapi berupaya mewujudkan hubungan yang erat untuk membentuk ekosistem sosial komuniti yang harmoni dan seterusnya mewujudkan masyarakat sejahtera dan bebas tanpa pengaruh dadah.

Penutup

Langkah-langkah pencegahan dadah yang lebih komprehensif diperlukan untuk membantu negara mengatasi masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda. Perancangan intervensi harus mengambilkira status ekosistem sosial kelompok sasaran. Setiap strategi intervensi yang dicadangkan perlu merujuk kepada pemetaan ekosistem remaja dan belia yang berisiko terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Setiap individu saling berinteraksi dengan persekitaran sosialnya. Persekitaran atau ekosistem sosial ini boleh bersifat sebagai pelindung atau risiko. Ekosistem sosial masyarakat yang bersifat pelindung membantu menyokong ke arah usaha pencapaian matlamat dasar dadah negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas dadah pada masa hadapan. Intervensi yang direkabentuk dengan mengambilkira tahap ekosistem sosial kelompok sasar bukan sahaja menghasilkan program pencegahan yang bersifat multisektoral tetapi juga program yang lebih menepati keperluan persekitaran sebenar masyarakat.

Penghargaan

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan oleh Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) kod penyelidikan SK-2014-012. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Agensi AntiDadah kebangsaan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM dan semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

Abdullah Al Hadi & Iran Herman. 1997. *Penagihan Dadah Mengikut Kaum: Diri, Keluarga dan Persekitaran*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Abdul Ghafar. 2005. *Bersama Perangi Dadah*. Kuala Lumpur: Penerbit Seri Kenangan Sdn Bhd.

Agensi Anti Dadah Kebangsaan. 2014. Laman Web Statistik Penyalahgunaan Dadah <http://www.adk.gov.my/utama.html>. Diperolehi pada 20 April 2014.

- Bahr, S. J., Maughan, S. L., Marcos, A. C., & Li, B. 1998. Family, religiosity, and the risk of adolescent drug use. *Journal of Marriage and the Family*, 60, 979–992.
- Bisset, S., Markham, W. and Aveyard, P. 2007. School culture as an influencing factor on youth substance use. *Journal of Epidemiology and Community Health*, Vol. 61, pp. 485-490.
- Butler, R and Bauld, L. 2005. The parents Marriage and the Family, 60, 979–992. *J Drugs: Education, Prevention and Policy*, 12 (1) (2005), pp. 35
- Blyth, A, Bamberg, J & Toumbourou, J. 2000. Behaviour exchange systems training: A program for parents stressed by adolescent substance abuse, Camberwell: ACER DrugInfo Clearinghouse No JJ 64 BLY
- Bond, L., Butler, H., Thomas, L., Carlin, J., Glover, S., Bowes, G. & Patton, G. 2007, “Social and school connectedness in early secondary school as predictors 36 of late teenage substance use, mental health, and academic outcomes”, *Journal of Adolescent Health*, Vol. 40, pp. 357.e9-357.e18.
- Byrne, J. M., & Tusinski-Miofsky, K. 2009. From preentry to reentry: An examination of the effectiveness of institutional and community-based sanctions. *Victims & Offenders*, 4, 348-356
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Dishion, T.J. & Bullock, B.M. 2001. Parenting and Adolescent Problem Behavior: An Ecological Analysis of the Nurturance Hypothesis. In J. G. Borkowski, S. L. Ramey & M. Bristol-Power (Eds.), *Parenting in your Child's World: Influences on Academic, Intellectual and Social-Emotional Development* (pp.231-249). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Fauziah Ibrahim, A. Khadijah, M.A. Noremy, N. Sarnon, Z.M. Lukman, S.M. Mohamad, N. Subhi, S. Nen & M.H. Suzana. 2012b. The Role of Family Towards Current Adolescence Challenges: Drug Prevention and Living Without Drugs. *The Social Sciences*. 7(2):341-345. ISSN: 1818-5800. doi:10.3923/sscience.34.345
- Fauziah Ibrahim & Naresh Kumar. 2009. The Influence of Community on Relapse Addiction to Drug Use: Evidence from Malaysia. *European Journal of Social Sciences*. Vol. 11, Issue 3.
- Fauziah Ibrahim & Ezarina Zakaria. 2014. Penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah: Analisis tahap perhubungan dengan rakan sebaya. *Jurnal Pembangunan Sosial*, Jilid 17(Jun):71-85.
- Gracia, E., Lila, M. S., & Musitu, G. 2005. Parental rejection and psychological and social adjustment of children. *Salud Mental*, 28, 73-81.

- Hairunnaja Najmuddin. 2007. *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hawkins, J. D & Catalano, R.F. 1985. Aftercare in Drug abuse treatment. *The international Journal of the Addictions*, 20(689): 917-945.
- Hawkins, J.D., Kosterman, R., Catalano, R.F., Hill, K.G. & Abbott, R.D. 2005, "Promoting positive adult functioning through social development intervention in childhood. Long-term effects from the Seattle social development project", *Archives of Pediatric and Adolescent Medicine*, Vol. 159, pp. 25-31.
- Hoffmann, John P. 2002. "The Community Context of Family Structure and Adolescent Drug Use." *Journal of Marriage and Family*, 64:314-330.
- Ibrahim Mat Nawi dan Fauziah Ibrahim. 2010. *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Belia Melayu: Kajian Awal di PUSPEN Sungai Besi, Kuala Lumpur*. Bangi: UKM
- Jason LA, Davis M.I, & Ferrari J.R. 2007. The need for substance abuse aftercare: A longitudinal analysis of Oxford House. *Addictive Behaviors*, 32(4):803–818.
- Kliewer, W. & Murrelle, L. 2007. "Risk and protective factors for adolescent substance use: findings from a study in selected Central American countries", *Journal of Adolescent Health*, Vol. 40, pp. 448-455
- Lonczak, Heather S., Robert D. Abbott, J. David Hawkins, Rick Kosterman & Richard F. Catalano. 2002. "Effects of the Seattle Social Development Project on Sexual Behavior, Pregnancy, Birth, and Sexually Transmitted Disease Outcomes by Age 21 Years," *Archives of Pediatrics & Adolescent Medicine*, Vol. 156, No. 5, pp. 438-447.
- Mackay, R. 2003. Family Resilience and Good Child Outcomes: An Overview of the Research Literature. *Social Policy Journal of New Zealand*. 5(1): 65–76.
- Mohamad Sabri Yusoh & Che Bakar Che Mat. 2008. *Penyalahgunaan dan Penedaran Dadah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka O' Mahony, P. 2009. The risk factors prevention paradigm and the causes of youth crime: A deceptively useful analysis? *Youth Justice*. 99(2): 99-114.
- Oman, R. F., Vesely, S. K., Aspy, C. B., McLeroy, K. R., Rodine, S., & Marshall, L. 2004. The potential protective effect of youth assets on adolescent alcohol and drug use. *American Journal of Public Health*, 94, 1425-1430.
- Patton, G.C., Bond, L., Carlin, J.B., Thomas, L., Butler, H., Glover, S., Catalano, R. & Bowes, G. 2006. "Promoting social inclusion in schools: a randomized trial of

effects on student health risk behaviour and well-being”, *American Journal of Public Health*, Vol. 96 No. 9, pp. 1582-1587.

Patricia, S. & Robert, L.S. 2005. *Substance abuse counseling: Theory and Practice* (3rd Edition). New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.

Pergamit, M.R.; Huang, L.; Lane, J. 2001. *The Long Term Impact of Adolescent Risky Behaviors and Family Environment*; ASPE, U.S. Department of Health and Human Services: Washington, DC, USA: <http://aspe.hhs.gov/hsp/riskybehav01> (akses pada 11 Mei 2015).

Rohayati Derani. 2004. *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah. Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)*. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Spooner, C., Hall, W., & Lynskey, M. 2001. *Structural determinants of youth drug use*. Canberra: Australian National Council on Drugs.

Stephen Demuth & Susan L. Brown, 2004. “Family Structure, Family Processes, and Adolescent Delinquency: The Significance of Parental Absence Versus Parental Gender,” *Journal of Research in Crime and Delinquency* 41, No. 1: 58-81.

Turiman Suandi, Azimi Hamzah, Wan Mahzom Ahmad Shah, Ezhar Tamam, Ismi Arif Ismail, Siti Raba'ah Hamzah, Mohammad Rezal Hamzah dan Dzuhailmi Dahalan. 2009. *Siri Monograf IPSAS: Jalinan Sosial Belia Malaysia: Implikasi Terhadap Pembinaan Negara*. Serdang: Penerbit UPM.

Wertz, J. M., & Sayette, M. A. 2001. A review of the effects of perceived drug use opportunity on self reported urge. *Experimental and Clinical Psychopharmacology*, 9, 3-13.

Williams, R. J., McDermitt, D. R., Bertrand, L. D., & Davis, R. M. 2003. Parental awareness of adolescent substance use. *Addictive Behaviors*, 28, 803-809.

Zul Hanafi Hassan. 2004. *Input Program Rawatan Terhadap Penagih Dadah Berulang dan Penagih Pertama Kali: Satu Kajian di Pusat Serenti Bukit Chabang Perlis*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kerja Sosial. Sintok: UUM